SULIT

NAMA:..... TINGKATAN :.....

1103/1
BAHASA MELAYU 1
2 jam
Kertas 1
2 jam 15 minit

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025

TINGKATAN 5

BAHASA MELAYU

Kertas 1

(Dua jam)

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
2. *Jawab soalan* **Bahagian A** *dan* **satu** *soalan daripada* **Bahagian B**.
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

Bahagian ini mengandungi **empat** *soalan. Jawab* **satu** *soalan.*

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1.

Permainan tradisional semakin dilupakan oleh generasi muda yang lebih tertarik dengan permainan video dan gajet. Menyedari hakikat ini, pihak sekolah memainkan peranan penting dalam usaha mempopularkannya seperti mengadakan pertandingan permainan tradisional. Dalam program ini, pelbagai jenis permainan seperti congkak, gasing, dan ketingting diperkenalkan kepada murid.

Sumber : Internet

Huraikan usaha mempopularkan permainan tradisional yang terdapat dalam petikan berserta usaha-usaha lain.

2.

Masalah buli merupakan satu perbuatan yang menyakitkan hati, fizikal, dan mental seseorang. Perbuatan ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, sama ada melalui ejekan, ancaman, penderaan fizikal, atau buli siber. Kesan buli terhadap mangsa sangat serius dan boleh memberi impak yang mendalam kepada kehidupan mereka dalam jangka masa panjang seperti tekanan mental.

Sumber : Internet

Huraikan kesan yang dinyatakan dalam petikan di atas, berserta kesan-kesan lain tentang masalah tersebut.

3.

Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan tragedi rusuhan kaum yang menjadi konflik dan pertumpahan darah. Oleh itu, perpaduan kaum perlu dipupuk agar dapat mewujudkan negara yang harmoni. Selain itu, perpaduan kaum bukan sahaja dapat menarik pelabur asing malah dapat meningkatkan imej negara.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan, huraikan kepentingan-kepentingan mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia.

4.

Mutakhir ini, graduan yang memiliki ijazah sarjana muda bekerja sebagai kerani, penghantar makanan, atau operator pengeluaran. Hal ini merupakan realiti semasa yang tidak dapat dielakkan. Sudah pasti anak muda di universiti kini, sedar akan realiti ini. Lantas, mereka perlu segera mempersiapkan diri untuk memasuki alam kerjaya.

Sumber: Berita Harian

SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025

BAHASA MELAYU 1

TINGKATAN 5

-PERATURAN PEMARKAHAN-

BAHAGIAN A (30 markah)

Format penulisan komen :

Contoh: Cemerlang
T - menepati tugasan
I – relevan, huraian jelas dan matang
B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
P - menarik dan berkesan

Grafik dan maklumat di bawah berkaitan ***sungai.***

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang ***sungai.***

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Kehendak/tugasan soalan :

Calon perlu menulis **kepentingan sungai kepada manusia**.

Cadangan jawapan:

Bahan 1: Definisi sungai.
Bahan 2: Kepentingan sungai – Sungai sebagai sumber bekalan air bersih.
Bahan 3:Kepentingan sungai – Sungai sebagai sumber protein.
Sekiranya calon menghuraikan peranan sungai – terima seperti biasa.

Calon mesti **menyentuh semua bahan sama ada** sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.

Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **kepentingan sungai** - terima dan semak seperti biasa.

Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum **Kepujian (20-25)**.

Calon yang menulis **melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir -**maksimum **Kepujian (20-25).**

Calon menulis **kurang daripada 140 patah perkataan** - maksimum **Memuaskan (15-19).**

Calon menulis dalam bentuk poin – maksimum **Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum (1-9)**

Format : **Tidak berformat**

Soalan 2 :

Masalah buli merupakan satu perbuatan yang menyakitkan hati, fizikal, dan mental seseorang. Perbuatan ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, sama ada melalui ejekan, ancaman, penderaan fizikal, atau buli siber. Kesan buli terhadap mangsa sangat serius dan boleh memberi impak yang mendalam kepada kehidupan mereka dalam jangka masa panjang seperti tekanan mental.

Sumber: Internet

Huraikan kesan yang dinyatakan dalam petikan di atas, berserta kesan-kesan lain masalah tersebut.

Kehendak/Tugasan soalan:

Calon dikehendaki **menghuraikan kesan yang terdapat dalam petikan di atas berserta kesan-kesan lain masalah tersebut** iaitu:

tekanan mental serta isi-isi luar yang lain.

Kemungkinan jawapan :

Calon menghuraikan isi dalam petikan sahaja- **maksimum peringkat kepujian (55-63)**.
Calon menghuraikan isi luar sahaja - **maksimum peringkat kepujian (55-63)**.

Soalan 3 :

Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan tragedi rusuhan kaum yang menjadi konflik dan pertumpahan darah. Oleh itu, perpaduan kaum perlu dipupuk agar dapat mewujudkan negara yang harmoni. Perpaduan bukan sahaja dapat menarik pelabur asing malah dapat meningkatkan imej negara.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan, huraikan kepentingan-kepentingan mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia.

Kehendak/ Tugasan soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan **kepentingan-kepentingan mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia.**

Calon dapat menyatakan **kepentingan-kepentingan mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia** seperti berikut:

i. mewujudkan negara yang harmoni.
ii. dapat menarik pelabur asing.
iii. meningkatkan imej negara

Kemungkinan jawapan:

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
Ogos 2025

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025

DAERAH MUAR

PERATURAN PEMARKAHAN 1103/2 (PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Kertas Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 13 halaman bercetak

***Nota: Panduan penskoran ini bukan dihasilkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia**

(v) elak;

- Menjauhkan diri daripada kena pukulan (tikaman dll), menghindar, menyisi

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Mencerakinkan ayat

(i) - Golongan remaja terlalu asyik melayari Internet.
- Golongan remaja sering kali menghabiskan masa berjam-jam di hadapan telefon pintar masing-masing.

(ii) - Keadaan ini mengakibatkan remaja tersebut mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga.
- Keadaan ini mengakibatkan remaja tersebut mengabaikan tanggungjawab terhadap pelajaran.

(iii) - Mereka memberikan alasan hendak mencari maklumat.
- Mereka sebenarnya melayari laman-laman sesawang yang tidak berfaedah.

[**Maksimum 6 markah**]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

(i)	sub sektor	–	subsektor (imbuhan)
(ii)	diseluruh	–	di seluruh (bahasa – kata sendi nama)
(iii)	memfokus	–	memfokuskan (imbuhan)
(iv)	antara bangsa	–	antarabangsa (ejaan)
(v)	asal datang	–	asal usul (istilah)
(vi)	singgang ikan	–	ikan singgang (bahasa – hukum DM)
(vii)	samada	–	sama ada (ejaan)

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

(i)	yang	–	bahawa (Bahasa – kata hubung)
(ii)	berkunjungan	–	berkunjung (imbuhan)
(iii)	kemashuran	–	kemasyhuran (ejaan)
(iv)	ditambah oleh kita	–	kita tambah (Bahasa – pasif diri pertama)
(v)	desa inap	–	inap desa (Bahasa – hukum DM)
(vi)	akal	–	minda (istilah)
(vii)	daripada	–	dari (Bahasa – kata sendi nama)

[Maksimum : 5 markah]

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :
Soalan 6: **12** *markah*
Soalan 7: **13** *markah*
Soalan 8: **10** *markah*

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman teks dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugasan / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugasan / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan /relevan dengan tugasan/ ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugasan /ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

(*a*) Isi – **20 markah**
(*b*) Bahasa – **10 markah**

(*a*) **Isi** [**20 markah**]

Nota:
(i) Panduan mengira perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa.**
(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Bahasa Melayu (25+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta